

<b>Publication</b>	<b>Harian Metro</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Bisnes / Front Page</b>
<b>Date</b>	<b>Fri, 21<sup>st</sup> Oct 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>Yes</b>
<b>Headline</b>	<b>Peruncit 19 Stesen</b>		



# PERUNCIT 19 STESEN

**■ MRT Corp optimis perolehan perniagaan bukan tiket tahun pertama capai RM20.5j**

Hafiz Ithnin  
hafizithnin@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**M**ass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengunjurkan perolehan perniagaan bukan tiketnya, pada tahun pertama beroperasi mampu mencatatkan sebanyak RM20.5 juta dengan RM18 juta disumbangkan oleh segmen pengik-

lanan dan RM2.5 juta hasil aktiviti peruncitan di stesen miliknya.

Pengarah Pengurusan Hartanah dan Komersialnya, Datuk Haris Fadzilah Hasaan berkata, walaupun segmen peruncitan menyumbang pada kadar kecil kepada keseluruhan perolehannya setahun, tetapi penting untuk memberi lebih nilai tambah perkhidmatan kepada pengguna terutama di stesen pertukaran.

Beliau berkata, ketika ini, pihaknya mengumumkan 15 syarikat dalam pelbagai segmen perniagaan bakal beroperasi di 19 stesen sepanjang laluan MRT dari Sungai Buloh ke Kajang (SBK) pada Disember ini.

“Syarikat yang diumumkan ini adalah dalam kalangan 49 syarikat yang berjaya memenangi bidaan dan kita telah menerima 223 permohonan daripada pelbagai syarikat yang berminat menjalankan perniagaan mereka di stesen MRT.

“Proses ini penting bagi memastikan syarikat yang beroperasi di stesen kami mempunyai kualiti dan membolehkan syarikat mendapatkan pulangan baik. Setiap syarikat yang mendapat kontrak akan beroperasi selama dua tahun dan boleh dilanjutkan tempoh masanya jika mempunyai prestasi baik,” katanya pada pengumuman 15 syarikat yang beroperasi di 19 stesen SBK di sini, semalam.

Antara jenama yang beroperasi di 15 stesen berkenaan ialah Buttercrumbs and Luscious Pie, Rotiboy, Noras Delight, QuikMart, Juicee, Chatime, Watsons, Circle K, 7-Eleven, Groovy Juice, myNews.com, Sugar Village, Monza Elegant, Family Mart dan Junshui Bookstore.

Haris berkata, pihaknya menyasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada unit perniagaan akan dianugerahkan kepada usahawan Bumiputera sejajar dengan Agenda Bumiputera yang dilaksanakan kerajaan.

Katanya, MRT Corp mencapai lebih sasaran mengenai penganugerahan kepada Bumiputera dengan 18 unit daripadanya atau 44 peratus dimiliki golongan berkenaan termasuk usahawan di bawah MARA dan golongan kurang upaya (OKU).

## FAKTA

15 syarikat dalam pelbagai segmen perniagaan bakal beroperasi di 19 stesen